



LAWATAN UNIMAP ERATKAN HUBUNGAN ALUMNI

Lawatan Unit Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ke Pusat Alumni, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diadakan pada 5 Disember 2012. Tujuan utama lawatan tersebut ialah untuk menimba ilmu pengetahuan dan perkongsian pengalaman dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan Unit Alumni UniMAP.

Lawatan tersebut diketuai oleh Encik Suhizaz Sudin, Timbalan Dekan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP. Beliau yang juga merupakan alumni UUM dalam program Sarjana Muda Teknologi Maklumat amat berterima kasih kepada UUM kerana sudi untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menguruskan alumni bagi mengeratkan hubungan alumni dengan alma mater mereka. Beliau juga berhasrat untuk mengadakan program kerjasama dengan Pusat Alumni UUM dalam menjalankan aktiviti pada masa hadapan.